BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandunggi* ***dua*** *bahagian:* ***Bahagian A*** *dan* ***Bahagian B****.*

2. *Jawab* ***satu*** *soalan daripada* ***Bahagian A*** *dan* ***semua*** *soalan dalam* ***Bahagian B.***

3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas ini mengandungi **09** halaman bercetak

45/1© 2013 *Hak Cipta BPSBPSK*

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

Bahagian A

[20 markah]

*Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.*

1 (a) Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ
وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾ ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ
رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ سورة البقرة : 155-156

Ayat di atas menjelaskan ujian Allah SWT kepada hamba-hambaNya.

(i) برداسركن آية دأتس □ ياتاكن فغرتين كلمة يغ بركاريس *[2 markah]*

(ii) Nyatakan **dua** akibat orang yang tidak sabar dengan ujian Allah. *[2 markah]*

(iii) Jelaskan **dua** cara anda menghadapi ujian Allah dalam kehidupan selain bersabar. *[4 markah]*

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عن أبي يعلى شداد بن أوس رضي الله عنه أن رسول الله (ص) قال: ان الله كتب الاحسان على كل شيء فاذا قتلتم فأحسنوا القتلة واذا ذبحتم فأحسنوا الذبحة وليحد احدكم شفرته وليرح ذبيحته

(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan mengenai Ihsan terhadap binatang.

(i) Nyatakan maksud Ihsan terhadap binatang. *[2 markah]*

(ii) Senaraikan **dua** jenis binatang yang harus di bunuh. *[2 markah]*

(iii) Huraikan **dua** kelebihan jika seseorang itu bersifat ihsan terhadap binatang. *[4 markah]*

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

(c) Tulis semula rangkai kata yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

(i) (ii)
Proses siang dan malam berlaku adalah disebabkan oleh fenomena bumi

(iii)
yang sentiasa berputar di atas paksinya. Semua kejadian alam mengikut

(iv)
sunnatullah iaitu cara atau peraturan adalah ketetapan Allah.

[4 markah]

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

2 (a) Firman Allah SWT:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوۡمِ ٱلۡجُمُعَةِ فَٱسۡعَوۡاْ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ
ٱلۡبَيۡعَۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ۝٩ فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِي
ٱلۡأَرۡضِ وَٱبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ۝١٠ وَإِذَا رَأَوۡاْ
تِجَٰرَةً أَوۡ لَهۡوًا ٱنفَضُّوٓاْ إِلَيۡهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمٗاۚ قُلۡ مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيۡرٞ مِّنَ ٱللَّهۡوِ وَمِنَ
ٱلتِّجَٰرَةِۚ وَٱللَّهُ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ۝١١ (سورة الجمعة 9-11)

Ayat di atas menjelaskan kewajipan menunaikan solat Jumaat.

(i) ياتاكن دوا فرينته الله برداسركن اية سلاءين منونايكن صلاة

[2 markah]

(ii) Huraikan **dua** kelebihan bagi orang yang segera menunaikan solat Jumaat .

[4 markah]

(iii) Nyatakan **dua** cara anda memberi kesedaran kepada rakan-rakan yang suka ponteng solat Jumaat. *[4 markah]*

عن ابي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله (ص) كل سلامى من الناس عليه صدقة كل يوم تطلع فيه الشمس, تعدل بين الاثنين صدقة, وتعين الرجل في دابته فتحمله عليها أو ترفع له عليها متاعه صدقة, والكلمة الطيبة صدقة, وبكل خطوة تمشيها الى الصلاة صدقة, وتميط الأذى عن الطريق صدقة

(رواه البخاري ومسلم)

(b) Hadis di atas menerangkan kelebihan sedekah.

(i) Tuliskan potongan hadis yang membawa maksud *" kamu melakukan keadilan diantara dua orang (yang berselisih faham) adalah sedekah"*

[2 markah]

(ii) Berdasarkan hadis senaraikan **dua** contoh sedekah selain *" berlaku adil diantara dua orang (yang berselisih faham)"* *[2 markah]*

(iii) Jelaskan hikmah bersedekah terhadap pemberi. *[2 markah]*

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

Orang Islam terbahagi kepada golongan mukmin dan fasik. Kita perlu mengetahui ciri kedua-dua golongan ini untuk menjadi pendakwah yang berjaya

[4 markah]

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

Bahagian B

[80 markah]

*Jawab **semua** soalan.*

3 (a) Akidah merupakan satu elemen penting yang mesti dipelihara oleh semua umat Islam.

(i) Senaraikan **dua** nama lain bagi ilmu akidah. *[2 markah]*

(ii) Jelaskan **dua** faktor berlakunya penyelewengan akidah dalam masyarakat. *[4 markah]*

(iii) Cadangkan tindakan yang akan anda lakukan untuk menyekat penyelewengan akidah. *[2 markah]*

(b) Setiap umat Islam wajib beriman dengan al-Rahman dan Ar-Rahim.

(i) Apakah maksud ar-Rahman. *[2 markah]*

(ii) Nyatakan kelebihan beriman dengan sifat ar-Rahman. *[2 markah]*

(iii) Jelaskan perbezaan antara ar-Rahman dengan ar-Rahim. *[2 markah]*

(c) Setiap amalan umat Islam di dunia akan dihitung di hari akhirat kelak.



Jadual 1
Proses kebangkitan manusia

(i) Senaraikan proses yang dilalui oleh manusia pada peringkat X dan Y *[2 markah]*

(ii) Jelaskan **dua** usaha anda untuk menghadapi proses di atas. *[4 markah]*

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

4. (a) Solat sunat Tahiyatul Masjid dan Solat sunat Rawatib adalah dituntut di dalam Islam.

(i) Nyatakan maksud solat sunat Tahiyatul Masjid. *[2 markah]*

(ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara solat sunat Tahiyatul Masjid dengan solat sunat Rawatib. *[4 markah]*

(iii) Jelaskan **dua** hikmah solat sunat Rawatib. *[4 markah]*

(b) Pengurusan jenazah merupakan satu tuntutan fardhu kifayah ke atas setiap muslim yang masih hidup.

(i) Senaraikan **empat** tindakan awal yang sunat dilakukan ketika berlaku kematian. *[4 markah]*

(ii) Nyatakan hikmah memandikan jenazah. *[2 markah]*

Soalan 4(c)(i) hingga 4(c)(iv) berdasarkan Jadual 2.

Harus	Sunat	Tidak Sah	Makruh	Wajib

Jadual 2

(c) (i) Alisya bertayammum dengan menggunakan debu biskut yang suci. *[1 markah]*

(ii) Aisya menjamakkan solat Zohor dengan Asar ketika dalam perjalanan dari Kedah ke Kuala Terengganu. *[1 markah]*

(iii) Aswadi menunaikan solat sunat Tahajud pada jam 3 pagi apabila terjaga dari tidur. *[1 markah]*

(iv) Iman membayar zakat perniagaan apabila telah cukup syaratnya. *[1 markah]*

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

5 (a) Perjanjian Hudaibiyah telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan Islam

(i) Nyatakan **dua** sebab yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah. *[2 markah]*

(ii) Jelaskan **dua** hikmah Perjanjian Hudaibiyah terhadap perkembangan Islam. *[4 markah]*

(b) Sumaiyyah adalah wanita Islam pertama gugur syahid dan menempuhi pelbagai seksaan dalam menegakkan Islam.

(i) Senaraikan **dua** bentuk penyeksaan yang dialami oleh Sumaiyyah. *[2 markah]*

(ii) Nyatakan pengajaran yang boleh diambil daripada perjalanan hidup Sumaiyyah. *[2 markah]*

(c) Saidina Hamzah r.a merupakan seorang pejuang Islam yang terkenal dengan keberaniannya di medan perang.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Saidina Hamzah r.a. *[2 markah]*

(ii) Jelaskan sumbangan Saidina Hamzah r.a terhadap perkembangan Islam. *[2 markah]*

Soalan 5 (d) (i) dan 5 (d) (ii) berdasarkan Jadual 3

تَغْفِرلَنَا	وَتُعِزُّ	بِيَدِكَ	ظَلَمْنَآ	لَنَكُونَن	تُؤْتِي
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)

Jadual 3

(c) Berdasarkan Jadual 3, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

(i) قَالَا رَبَّنَا **(P)** أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ **(Q)** وَتَرْحَمْنَآ **(R)** مِنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ

[3 markah]

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

(ii)

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلۡمُلۡكِ ___(S)___ ٱلۡمُلۡكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلۡمُلۡكَ مِمَّن تَشَآءُ ___(T)___ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ ___(U)___ ٱلۡخَيۡرُۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٢٦

[3 markah]

6 (a) Keharmonian sesebuah keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin kerukunan hidup bermasyarakat.

(i) Nyatakan **dua** adab bergaul sesama ahli keluarga. *[2 markah]*

(ii) Terangkan akibat tidak menjaga adab berkeluarga. *[2 markah]*

(b) Beribadat kepada Allah SWT merupakan tujuan utama manusia diciptakanNya.

(i) Apakah maksud ibadat. *[2 markah]*

(ii) Nyatakan **dua** sebab kita perlu menjaga adab ketika beribadat. *[2 markah]*

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadat dengan adat. *[4 markah]*

(c) **Soalan 6 (c) (i) (ii) dan (iii) berdasarkan Gambar 1.**

Gambar 1

(i) Senaraikan **dua** adab menjalankan tugas menurut Islam. *[2 markah]*

(ii) Terangkan kelebihan mengamalkan adab ketika bertugas. *[2 markah]*

(iii) Anda telah dilantik sebagai setiausaha bagi Program *Ihya' Ramadhan* pada peringkat sekolah.
Apakah **dua** usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan program tersebut berjalan lancar. *[4 markah]*

KERTAS SOALAN TAMAT

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PERATURAN PEMARKAHAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013

PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH

PENDIDIKAN ISLAM

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN:

1. *Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.*

SKEMA PERCUBAAN PMR PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 2013

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

BAHAGIAN A

[20 MARKAH]

NO			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	i	Maksud kalimah Bergaris ialah: ٱلْخَوْف - Ketakutan مُّصِيبَة - Ujian	2 isi x 1 m = 2m
		ii	**Dua** akibat orang yang tidak sabar dengan ujian Allah SWT.: - Allah SWT menarik balik nikmat yang diberi - Individu dan masyarakat menjadi mundur - Ditimpa kesempitan hidup - Tidak dihormati oleh masyarakat - Menerima azab di akhirat Catatan : (mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 1 m = 2m
		iii	**Dua** cara saya menghadapi ujian Allah dalam kehidupan seharian selain bersabar: - Tidak mudah berputus asa - Berdoa dan bertawakkal kepada Allah SWT - Beristighfar memohon ampun kepada Allah SWT - Redha dengan takdir Allah SWT Catatan : (mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 2 m = 4m
	(b)	i	Maksud ihsan terhadap binatang ialah : - Membuat kebaikan semasa membunuh iaitu mengelokkan pembunuhan atau mengelokkan penyembelihan menurut cara yang sebaik-baiknya.	1 isi x 2 m = 2m
		ii	**Dua** jenis binatang yang harus dibunuh : - Binatang yang berbahaya, berbisa dan	

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

			beracun - Binatang buas dan ganas - Burung yang menyambar mangsa - Binatang perosak, kotor dan memudharatkan	2 isi x 1 m = 2m
		iii	**Dua** implikasi jika seseorang itu bersifat ihsan terhadap binatang: - Sebagai tanda simpati serta hormat terhadap binatang / kerana mereka juga makhluk Allah - Menunjukkan Islam agama yang bertimbang rasa / kerana menyuruh mengamalkan nilai-nilai murni - Mendapat rahmat Allah / kerana sentiasa menjaga akhlak - Memupuk sifat baik hati / dalam kalangan umat Islam - Membuktikan Islam mengutamakan kesejahteraan hidup semua makhluk / sama ada manusia atau binatang Catatan (mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 2 m = 4m Isi : 1m Huraian : 1m
	(c)		Menulis semula rangkai kata bergaris: - فروسيس سياغ دان مالم. - دسببكن اوليه فينومينا بومي. - كجادين عالم مغيكوت سنة الله. - فراتورن اداله كتتافن الله. Catatan: - Perkataan yang di eja betul sahaja akan di ambil kira dalam pemberian markah. - Huruf cerai tidak diterima. - Ejaan mengikut jawi DBPز	1-4 perkataan: 1m 5-8 perkataan: 2m 9-12 perkataan: 3m 13-16 perkataan: 4m
2	(a)	i	**Dua** perintah Allah SWT berdasarkan ayat selain menunaikan solat : - Segera mencari kurniaan Allah SWT (rezeki)	

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

			- Meninggalkan urusan jual beli (berniaga) setelah masuk waktu solat Jumaat - Sentiasa mengingati Allah SWT	2 isi x 1 m = 2m
		ii	**Dua** kelebihan bagi orang yang segera menunaikan Solat Jumaat : - Supaya dapat beriktikaf / sebelum menunaikan solat Jumaat - Dapat pahala saf pertama / kerana datang awal - Mendapat nasihat dan pengajaran / daripada khutbah Jumaat yang disampaikan - Dapat melakukan amalan-amalan sunat seperti berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya Catatan (mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 2 m = 4m Isi : 1m Huraian : 1m
		iii	**Dua** cara saya memberi kesedaran kepada rakan-rakan yang suka ponteng solat Jumaat : - Mengajak mereka pergi menunaikan solat Jumaat bersama-sama - Menasihati mereka supaya tidak meninggalkan solat Jumaat/ menerangkan kelebihan solat/ memberi peringatan akibat meninggalkan solat - Melaporkan kepada pihak yang bertanggunjawab Catatan (mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 2 m = 2m
	(b)	i	Potongan hadis: تعدل بين الاثنين صدقة	1 isi x 2 m = 2m
		ii	**Dua** contoh sedekah selain *'berlaku adil di antara dua orang adalah sedekah'* - Membantu orang menaiki kenderaan - Mengucapkan perkataan yang baik	

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

			- Berjalan untuk menunaikan solat ke masjid - Membuang perkara yang menyakiti di jalan	2 isi x 1 m = 2m
		iii	Hikmah bersedekah terhadap pemberi: - Melatih diri mnenjadi seorang pemurah dan menghayati penderitaan orang lain - Memberi motivasi ke arah meningkatkan pendapatan supaya dapat terus bersedekah - Membersihkan diri daripada sifat kedekut, bakhil dan tamak. Catatan (mana-mana jawapan munasabah diterima)	1 isi x 2 m = 2m
			اورغ إسلام تربهاكي كفد كولوغن مؤمن دان فاسق. كيت فرلو مغتاهوي جيري كدوا 2 كولوغن اين اونتوق منجادي فندعوه يغ برجاي. **20 patah perkataan** Catatan: - Perkataan yang di eja betul sahaja akan di ambil kira dalam pemberian markah. - Huruf cerai tidak diterima. - Ejaan mengikut jawi DBP	PEMARKAHAN Bilangan Patah perkataan Betul / Markah 1-5 / 1 6-10 / 2 11-15 / 3 16-20 / 4

NO.			JAWAPAN	MARKAH
3	(a)	I	**Dua** nama lain bagi ilmu akidah: - Ilmu Kalam	2 isi x 1m = 2m

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

			- Ilmu Usuluddin - Ilmu Tauhid - Ilmu Ma'rifat	
		Ii	**Dua** faktor berlakunya penyelewengan akidah: - Jahil ilmu Islam. - Menjauhi ulama. - Bergaul dengan orang yang rosak akhlak. - Terpengaruh dengan budaya dan hiburan yang merosakkan akhlak.	2 isi x 2m = 4m
		Iii	Tindakan yang akan dilakukan untuk menyekat penyelewengan akidah : - Memperbanyakkan aktiviti keagamaan. - Membimbing masyarakat meyakini kewujudan Allah. - Melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat aktiviti penyelewengan akidah.	1 isi x 2m =2m
	(b)	I	Maksud ar-Rahman: - Allah maha pemurah **1m /** mengurniakan nikmatnya di dunia kepada semua makhluk tanpa mengira samada berakal atau tidak, beriman atau kufur **1m**.	1 isi x 2m = 2m
		Ii	Kelebihan beriman dengan sifat ar-Rahman: - Menjadi hamba Allah yang soleh - Menjadi seorang yang pemurah - Sentiasa bersyukur kepada Allah. - Tekun berusaha mencari keredhaan Allah Catatan (mana-mana jawapan munasabah diterima)	1 isi x 2m = 2m

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

<table>
<tr><td></td><td></td><td>Iii</td><td>Perbezaan antara ar-Rahman dengan ar-Rahim:
<table>
<tr><th>Ar- Rahman</th><th>Ar-Rahim</th></tr>
<tr><td>Untuk semua makhluk</td><td>Untuk orang mukmin sahaja</td></tr>
<tr><td>Untuk nikmat di dunia sahaja</td><td>Untuk nikmat di dunia dan di akhirat</td></tr>
</table></td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>I</td><td>Proses yang dilalui oleh manusia pada peringkat X dan Y
- X : Al Hisab
- Y : Al Mizan</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Ii</td><td>Dua usaha saya untuk menghadapi proses di atas:
- Melaksanakan semua hukum-hukum yang disyariatkan Allah SWT
- Melazimi diri beristighfar dan bertaubat kepada Allah.
- Berdoa memohon kekuatan daripada Allah.
- Berdamping rapat dengan ulamak.</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
</table>

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

<table>
<tr><th colspan="3">NO.</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>I</td><td>Maksud solat sunat Tahiyatul Masjid:
- Solat sunat dua rakaat yang dilakukan yang dilakukan sebaik sahaja seseorang itu masuk ke dalam masjid yang bertujuan menghormati masjid.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Ii</td><td>Dua perbezaan antara solat sunat Tahiyatul Masjid dengan solat sunat Rawatib:
<table>
<tr><th>Solat Sunat Tahiyatul Masjid</th><th>Solat sunat rawatib</th></tr>
<tr><td>Boleh dilakukan bila-bila masa</td><td>Dilakukan sebelum atau selepas solat fardhu.</td></tr>
<tr><td>Dilakukan 2 rakaat.</td><td>Dilakukan 2 atau 4 rakaat.</td></tr>
<tr><td>Dilakukan di masjid</td><td>Dilakukan di mana-mana sahaja</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Iii</td><td>Dua hikmah solat sunat Rawatib:
- Mendidik diri sentiasa beradab dan berdisiplin.
- Merasakan kemanisan dalam beribadah.
- Menyempurnakan kekurangan pahala solat fardhu.
(mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>I</td><td>Empat tindakan awal yang sunat dilakukan ketika berlaku kematian:
- Menutup mata dan mulut mayat.
- Melembutkan sendi-sendi anggota mayat.
- Menutup tubuh badan mayat.
- Meletakkan mayat pada tempat yang sesuai dalam keadaan menghadap kiblat.
- Kedua-dua tangannya diletakkan di atas dada.</td><td>4 isi x 1m = 4m</td></tr>
</table>

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

		Ii	Hikmah memandikan jenazah: - Menghormati jenazah sebagai makhluk yang dimuliakan Allah. - Untuk membolehkan jenazah disembahyangkan. - Menunjukkan Islam mementingkan kebersihan.	1 isi x 2m = 2m
	(c)		(i) Tidak Sah (ii) Harus (iii) Sunat (iv) Wajib	1 marka 1 markah 1 markah 1 markah

NOMBOR			JAWAPAN	MARKAH
5	(a)	i	**Dua** sebab yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah : - Keputusan Rasulullah SAW untuk mengerjakan umrah bersama –sama para sahabat dihalang - Kepatuhan para sahabat kepada kepimpinan Rasulullah SAW - Kebijaksaan Rasulullah SAW mengatur strategi menghadapi kaum musyrikin Quraisy - Sikap umat Islam yang cintakan keamanan berusaha mengelak peperangan - Adanya tolak ansur daripada Rasulullah SAW dan para sahabat	2 isi x 1m = 2m
		ii	**Dua** hikmah Perjanjian Hudaibiyah terhadap perkembangan Islam : - Terhindar daripada pertumpahan darah antara orang Islam dan Musyrikin Quraisy - Faktor utama kepada Pembukaan Kota Mekah - Orang Islam dan Musyrikin Quraisy bebas berinteraksi antara satu sama lain - Orang Islam bebas menyebarkan dakwah Islamiyyah - Ramai daripada kaum Quraisy telah memeluk Islam secara terang-terangan.	2 isi x2m = 4m
	(b)	i	**Dua** bentuk penyeksaan yang dialami oleh Sumaiyyah : - Dijemur ditengah-tengah panas matahari	2 isi x 1m = 2m

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

			- Diseret di padang pasir - Dipukul hingga berdarah - Ditikam dengan tombak - Dicucuk dengan besi panas	
		ii	Pengajaran yang boleh diambil daripada perjalanan hidup Sumaiyyah : - Berani menyatakan kebenaran - Tabah dalam menghadapi ujian hidup - Sanggup berkorban apa saja untuk menegakkan Islam/mempertahankan akidah Islam - Berpendirian teguh dalam setiap keputusan - Yakin dengan ganjaran Allah (syurga) - Keazaman teguh Catatan : (Mana-mana jawapan munasabah di terima)	1 isi x 2m = 2m
	(c)	i	Riwayat hidup Saidina Hamzah r.a : - Hamzah bin Abdul Mutalib bin Hashim bin Abdul Manaf - Lahir di Mekah tahun 570 M/tahun yang sama dengan kelahiran Rasulullah SAW - Keturunan : Bani Hashim - Bapa Saudara Rasulullah SAW / Teman sepermainan / saudara susuan - Panglima perang Rasulullah SAW - Pembawa panji angkatan tentera - Hobi : Suka memanah dan berburu - Meninggal dunia : 3 H / gugur syahid di medan Uhud - Dikebumikan di makam Syuhada' - Digelar Asadullah / Singa Allah	2 isi x 1m = 2m
		ii	Sumbangan Saidina Hamzah r.a terhadap perkembangan Islam - Melindungi Rasulullah SAW dari ancaman musuh - Berkorban jiwa dan tenaga bersama Rasulullah SAW untuk menegak dan mempertahankan Islam - Mengambil bahagian dalam peperangan sehingga gugur syahid di medan Uhud - Mengambil berat hubungan persaudaraan Islam dan hubungan kekeluargaan sehingga beliau sanggup menolong dan membela sesiapa yang dizalimi	1 isi x 2m = 2m

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

	(c)	i	P - ظَلَمْنَا Q - تَغْفِرلَنَا R -لَنَكُونَن	3 isi x 1m = 3m
		ii	S -تُؤْتِى T -وَتُعِز U -بِيَدِك	3 isi x 1m = 3m

NOMBOR			JAWAPAN	MARKAH
6	(a)	i	**Dua** adab bergaul sesama ahli keluarga : - Memberi salam apabila bertemu - Ziarah menziarahi antara satu sama lain - Tolong menolong dan bekerjasama dalam perkara kebaikan - Mengasihi yang lebih muda - Menghormati keluarga yang lebih tua - Sentiasa nasihat menasihati dalam perkara kebaikan Catatan : (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 1m = 2m
		ii	Akibat tidak menjaga adab berkeluarga : - Institusi keluarga porak peranda kerana tiada sifat hormat menghormati antara satu sama lain - Semangat kerjasama hilang kerana masing-masing mementingkan diri sendiri - Hidup tidak berkat kerana hilang rasa sayang menyayangi - Hidup dalam kesusahan kerana banyak masalah timbul - Maruah keluarga tercemar kerana tidak	1 isi x 2m = 2m Isi – 1m Huraian – 1m

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>mengamalkan nilai-nilai murni dalam hidup

Catatan :

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>i</td><td>Maksud ibadat :

- Mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan cara melakukan segala perintahNya dan menjauhi laranganNya</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>Dua sebab kita perlu menjaga adab ketika beribadat:

- Supaya ibadat yang dilakukan menjadi sempurna dan diterima oleh Allah SWT
- Dapat membentuk peribadi yang mulia
- Memperolehi ganjaran pahala

Catatan :

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Perbezaan antara ibadat dan adat

<table>
<tr><th>Ibadat</th><th>Adat</th></tr>
<tr><td>- Ditentukan oleh syariat</td><td>- Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat</td></tr>
<tr><td>- Tidak berubah</td><td>- Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat</td></tr>
<tr><td>- Terdiri daripada perkara wajib dan sunat</td><td>- Terdiri daripada perkara harus</td></tr>
<tr><td>- Mendapat pahala</td><td>- Mendapat pahala mengikut niat</td></tr>
<tr><td>- Berdasarkan al-Quran dan hadis</td><td>- Ada yang bersesuaian dengan al-Quran/hadis dan ada yang bertentangan</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
</table>

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

	(c)	i	**Dua** adab ketika menjalankan tugas menurut Islam : - Memulakan tugas / kerja dengan dengan bacaan 'bismillah' - Menyelesaikan tugas pada tarikh dan masa yang ditetapkan - Berpakaian menutup aurat, bersih dan kemas - Sentiasa bekerjasama dan bertolak ansur - Sentiasa patuh dan taat pada arahan ketua	2 isi x 1m = 2m
		ii	Kelebihan mengamalkan adab semasa bertugas : - Tugas yang dilakukan mendapat keberkatan kerana memelihara adab sesama manusia - Memperolehi rezeki yang halal kerana sentiasa jujur dalam bertugas - Kerja yang dilakukan mendapat faedah yang berpanjangan kerana mendapat keberkatan Allah - Dapat mengeratkan hubungan silaturrahim kerana masing-masing sentiasa bersopan santun Catatan : (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	1 isi x 2m = 2m Isi – 1m Huraian – 1m
		iii	**Dua** usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan program tersebut berjalan lancar : - Sentiasa merujuk kepada guru penasihat - Mengadakan perbincangan / mesyuarat dengan semua AJK terlibat - Mencadangkan / merancang aktiviti yang akan dijalankan - Melakukan agihan tugas dengan adil Catatan : (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	2 isi x 2m = 4m

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com

Muat turun (percuma) soalan lain di : www.myschoolchildren.com Muat turun (percuma) skema lain di www.myschoolchildren.com